

31/12/1997

KUB tangguh projek usaha sama RM2b

Azhar Abu Samah

KUB (M) Bhd (KUB), akan menangguhkan pelaksanaan usaha sama dengan Perbadanan Kemajuan Iktisad Negeri Kelantan (PKINK) untuk membangunkan projek industri petrokimia di pantai Senok, Bachok, Kelantan yang bernilai RM2 bilion kepada satu tempoh yang akan ditetapkan kelak.

Ketua Eksekutif KUB, Datuk Hassan Harun berkata, penangguhan itu dibuat selaras dengan keputusan kerajaan yang tidak menggalakkan penggunaan komponen import bagi mengurangkan pengaliran wang ke luar negara.

"Pembinaan loji petrokimia ini secara majoritinya akan menggunakan komponen import yang besar dan berharga mahal," katanya kepada pemberita selepas menyampaikan ceramah pada majlis Bicara Ekonomi, di Marang, Terengganu, semalam.

Sambil menegaskan tindakan itu terpaksa dilakukan walaupun projek itu menguntungkan dan mampu menjadi pemangkin pertumbuhan ekonomi negara dan Kelantan, namun ia akan diteruskan apabila keadaan mengizinkan.

Pada Mei 1996, KUB dan PKINK memeterai perjanjian persefahaman (MoU) untuk memajukan industri petrokimia di Pantai Senok disaksikan Timbalan Perdana Menteri, Datuk Seri Anwar Ibrahim dan Menteri Besar Kelantan, Datuk Nik Abdul Aziz Nik Mat di Kuala Lumpur.

Berikutan itu, KUB bercadang melabur kira-kira RM2 bilion untuk memajukan industri itu dan kerajaan negeri menyediakan tapak seluas 2,000 hektar termasuk pembinaan Kompleks Bersepadu Petrokimia Pantai Senok.

Selepas itu, pada 4 April lalu, Perdana Menteri, Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad menyaksikan majlis menandatangani perjanjian usaha sama memajukan projek itu antara Keloil Sdn Bhd, anak syarikat PKINK dengan KUB di pekarangan kilang KUB Tekstil di Pengkalan Chepa.

Katanya, selain projek petrokimia itu, KUB juga menilai semula semua projek yang dirancang untuk dilaksanakan sebelum ini, terutama yang membabitkan pembangunan hartanah.

Bagaimanapun, projek yang membabitkan penyediaan rumah kos sederhana dan rendah akan terus dijalankan di tanah milik KUB di Perak, Langkawi, Sungai Petani, Johor dan Melaka. Ketika ini, KUB mempunyai simpanan tanah berjumlah 1,200 hektar di seluruh negara.

Katanya, KUB juga memutuskan akan menangguhkan pembinaan bangunan pintar mengandungi ruang pejabat dan menjadi pangkalan operasinya di Kampung Baru, Kuala Lumpur bernilai RM300 juta sehingga ke tempoh yang akan ditetapkan nanti.

Hassan berkata, operasi perladangan sawit di Sarawak seluas 4,000 hektar dan Johor (800 hektar) dijangka memberikan pulangan yang menguntungkan dan mampu mengimbangi kerugian dalam operasi unit perniagaan antarabangsanya yang terjejas berikutan kejatuhan nilai ringgit.

Mengenai prestasi keseluruhan anak syarikat KUB, Hassan berkata, keuntungan syarikat itu dijangka terjejas berikutan kejatuhan nilai ringgit dan kebanyakan anak syarikatnya terbabit dalam perniagaan pengimportan produk dari luar negara seperti KUB-Toshiba dan KUB-Fujitsu.

"Kesan sebenar ke atas pendapatan KUB masih dalam kajian dan dijangka diketahui dalam masa tiga atau empat bulan ini," katanya sambil menambah penyata akaun KUB akan ditutup pada 31 Disember ini.

(END)